

**NO. RUJUKAN : UNISEL/PB/500/04/2022(03)**  
**TARIKH : 20 JULAI 2022**  
**KEPADA : KEPADA SEMUA MAHASISWA-MAHASISWI UNISEL YANG BUDIMAN**  
**DARIPADA : PEMANGKU BENDAHARI**  
**PERKARA : PERUBAHAN KADAR YURAN KOLEJ KEDIAMAN UNISEL DI KAMPUS BESTARI JAYA**

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera,

Adalah dengan hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Pengurusan Eksekutif UNISEL kali ke-319 (Bil. 16/2022) pada 23 Mei 2022 telah meluluskan penggunaan kadar asal yuran Kolej Kediaman Universiti Selangor (UNISEL) di Kampus Bestari Jaya.

3. Sehingga kini, Unisel telah melaksanakan proses transformasi Kolej Kediaman Universiti Selangor (UNISEL) di Kampus Bestari Jaya menerusi penambahan infrastruktur, peningkatan akses internet berkelajuan tinggi, kamera litar tertutup (CCTV) serta penambahan perkhidmatan keseluruhan bagi keselesaan penghuni kolej kediaman.

4. Sehubungan itu, kadar yuran bagi unit standard di **Kolej Kediaman UNISEL di Kampus Bestari Jaya berkuatkuasa Semester Julai 2022 (Program Asas) dan Ogos 2022 (ISM/Diploma)** adalah mengikut kadar asal seperti berikut:

PERINGKAT PROGRAM PENGAJIAN	YURAN PER BULAN	YURAN PER SEMESTER PENDEK	YURAN PER SEMESTER PANJANG
Asas	RM 200	Tidak Berkaitan	RM800
Diploma & Sarjana Muda	RM 200	RM500	RM900

5. Penggunaan kadar asal ini akan membolehkan UNISEL meneruskan proses penambahbaikan fasiliti di Kolej Kediaman demi keselesaan semua penghuni.

Dengan ini, dimaklumkan bahawa **memo** berkaitan yuran Kolej Kediaman UNISEL di Kampus Bestari Jaya dengan rujukan **UNISEL/KK16/BJ 05(06)/Jld.(1)** yang telah diedarkan sebelum ini adalah **TERBATAL**.

Sekian, wassalam.

**'PENERAJU TRANSFORMASI'**

Yang benar,

  
**SITI AISYAH BINTI OMAR**  
Pemangku Bendahari

s.k.: Presiden & Naib Canselor  
TNC (Akademik, Penyelidikan dan Jaringan Industri)  
TNC (Pembangunan Pelajar & Jaringan Komuniti)  
Pendaftar  
Dekan HEP  
Pengarah Residen Pelajar

CANSELERI

Kampus Shah Alam

• Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7, 40000  
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel • +603 5522 3400

Kampus Bestari Jaya

• Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari  
Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

CHANCELLERY

Shah Alam Campus

• Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7, 40000  
Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia  
Tel • +603 5522 3400

Bestari Jaya Campus

• Jalan Timur Tambahan, 45600 Bestari  
Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Website • [www.unisel.edu.my](http://www.unisel.edu.my)

**Peneraju Transformasi**  
**Leader of Transformation**

Milik Penuh Kerajaan Negeri Selangor  
Wholly Owned By Selangor State Government